

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Raimi bin Unggi**

**TARIKH : 16 Mei 2016 (Isnin)**

**SOALAN : Datuk Raimi bin Unggi minta  
MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI:-**

menyatakan rancangan Kerajaan dan keberkesanan untuk mewujudkan majlis benih di peringkat rantau Asia Pasifik setakat ini.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini penubuhan Majlis Benih di peringkat Asia Pasifik masih dalam peringkat perancangan. Antara faedah penubuhan Majlis Benih ini adalah:

- (i) menyediakan platform untuk pengumpulan dan perkongsian maklumat dalam industri biji benih di antara negara Asia-Pasifik;
- (ii) mewujudkan kerjasama dan menyediakan bantuan teknikal kepada pihak yang berkaitan dengan industri biji benih bagi negara Asia-Pasifik;
- (iii) mengharmonikan piawaian dan garis panduan bagi mempermudah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri dan perdagangan biji benih di kalangan negara Asia-Pasifik;
- (iv) menggalakkan dan mempermudah aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam teknologi biji benih;
- (v) meningkatkan dan memantapkan *seed security*;
- (vi) meningkatkan kualiti biji benih dalam pasaran Malaysia dan negara serantau;
- (vii) menggalakkan dan meningkatkan perdagangan biji benih di rantau Asia Pasifik; dan

(viii) meningkatkan inovasi dan penghasilan teknologi benih baharu.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah mengambil beberapa inisiatif untuk pembangunan industri benih negara. Antaranya dengan pelaksanaan program NKEA Pertanian di bawah projek EPP#14: Pembangunan industri benih dan penubuhan Majlis Benih Negara serta inisiatif untuk penubuhan Bank Gen.